

15 Januari 2021

ICI Ref: R9313/18-4/FGV Holdings Berhad – FGVPISB Kilang Sawit Neram – ASA-03

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

Jemputan untuk memberi komen terhadap Penilaian Pengawasan Tahunan (ASA-03) ke atas FGV Holdings Berhad (Nombor Keahlian RSPO: 1-0225-16-000-00), Unit Pengurusan Ladang – kumpulan Kompleks Neram, Kuantan (Pahang) & Kemaman (Terengganu), Malaysia

FGV Holdings Berhad telah melantik Intertek Certification International Sdn Bhd bagi penilaian dan pensijilan Unit Pengurusan Ladang PMU, Kompleks Neram grouping bagi memenuhi keperluan *Rountable on Sustainable Oil Palm*, Prinsip dan Kriteria (RSPO P&C) 2018 dan selaras dengan Interpretasi Kebangsaan Malaysia (MYNI 2019)

Intertek Certification International merancang untuk menjalankan Penilaian Pengawasan Tahunan (ASA-02) FGV Holdings Berhad, Unit Pengurusan Ladang, kumpulan Kompleks Neram pada 15 – 19 Februari 2021

Bagi memastikan bahawa organisasi memenuhi keperluan RSPO P&C, MYNI dan RSPO SCCS secara berterusan dan bagi mendapatkan maklumbalas, Intertek Certification International ingin menjemput pihak yang berminat untuk mengulas mengenai penilaian FGV Holdings Berhad, Unit Pengurusan Ladang, kumpulan Kompleks Neram. Unit bagi pensijilan ini terletak di Kuantan (Pahang) & Kemaman (Terengganu), Malaysia.

Secara ringkas, FGV Holdings Berhad adalah ahli kepada RSPO pada 27 Disember 2016 dan komited untuk mematuhi sepenuhnya RSPO P&C dan juga pensijilan penuh di dalam semua aspek operasinya. Felda Global Ventures Plantations Malaysia Sdn Bhd (FGVPM) memiliki dan mengendalikan 70 buah kilang minyak sawit dan 176 estet di seluruh Malaysia.

Butiran lanjut kilang memproses dan ladang kelapa sawit untuk penilaian adalah berikut:

PMU: FGVPISB Neram

Name	Address	Rujukan GPS	
		Latitud	Longitud
Neram POM (Kapasiti: 54 TM/jam)	Kilang Sawit Neram, 24060 Chukai, Kemaman, Terengganu Darul Iman, Malaysia	4°00'18.00"N	103° 17'20.4"E
FGVPM Cherul 03 Estet	Ladang Felda Cherul 03, W/Pos Bandar Baru Cheneh, 24000, Kemaman, Terengganu Darul Iman, Malaysia	4°07'19.6"N	102°10'38.2"E

Name of estate	Address	Mature OP* (Ha)	Immature OP* (Ha)	Area Summary*		Annual FFB Production (Ton) **
				Certified (Ha)	Planted (Ha)	
FGVPM Cherul 03 estet	Ladang Felda Cherul 03, W/Pos Bandar Baru Cheneh, 24000, Kemaman, Terengganu Darul Iman	1,886.50	0	2,768.35	1,886.50	13,724.46
Total		1,886.50	0	2,768.35	1,886.50	13,724.46

*Tahun 2020 & ** Feb 2019 – Feb 2020

Nama Kilang	Alamat	Penghasilan Tahunan*		Kapasiti Kilang (Ton / Jam)
		CPO (Ton)	PK (Ton)	
Kompleks Neram - POM	Kilang Sawit Neram, Pejabat Pos Mini, Felda Neram 1, 26160 Kuantan, Pahang Darul Makmur	2,895.93	795.10	54

* Feb 2019 – Feb 2020



Intertek Certification International Sdn Bhd adalah sebahagian daripada Kumpulan Intertek, yang merupakan organisasi yang memberi perkhidmatan teknikal di seluruh dunia khusus untuk mengurangkan risiko pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pensijilan produk, RSPO SCC, ISCC, Marine Sustainability Chain-of-Custody, MTCS dan pensijilan PEFC Chain-of Custody dalam sektor industri berkaitan termasuk sektor pertanian dan perhutanan. Intertek beroperasi di seluruh dunia menyediakan pelanggan dengan kepakaran pemeriksaan teknikal luas dan akses kepada beribu-ribu pakar mahir di seluruh dunia. Perniagaan pensijilan Intertek Group berada dalam kedudukan 10 teratas di seluruh dunia, dan boleh didapati di seluruh dunia serta menawarkan pensijilan dalam pelbagai industri.

Intertek Certification International Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai:

- **Ketua Penilai:**
 - En. Mohamad Amirul Saifullah (Kilang Minyak Sawit, Aspek Undang-Undang, , Gunatanah dan Rantaian Perolehan di Kilang)
- **Penilai:**
 - En. Sazali Bin Hasni (Temuduga Pemegang Kepentingan, Alam Sekitar dan HCV / Pemuliharaan)
 - Pn. Nor Ezani Ahmad (Temuduga Pemegang Kepentingan, Aspek Undang-Undang, Sosial dan Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan)
 - En. Mohd Hafiz Mat Hussain (Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu)

Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Intertek Certification International Sdn Bhd, ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Peluang pekerjaan
- Lain-lain hal berkaitan dengan penilaian
- Pemuliharaan biodiversiti
- Pembangunan komuniti

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian persijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

En. Mohd Hafiz Mat Hussain
RSPO Scheme Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd
D-28-3, Level 28, Menara Suezcap 1
No. 2, Jalan Kerinchi Gerbang Kerinchi Lestari
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel +603 7931 0032
Fax +603 7931 0419
Email: mohdhafiz.mathussain@intertek.com

En. Ahmad Shahrir Ismail
Sustainability Manager
Plantations Sustainability Department (PSD)
FGV Holdings Berhad,
Level 20, West Wisma FGV
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur,
Malaysia
Tel: +603 2789 0000 Fax: +603 2789 0001
Email: shahrir.i@fgvholdings.com

Terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,

Mohd Hafiz Mat Hussain
RSPO Scheme Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd